

22 APR 2002
MINT-EKSPORT/I
ROYAL MINT BERHASRAT MASUKI PASARAN AFRIKA, TELUK

Oleh: Mohd Arshi Daud

MANAMA, 22 April (Bernama) -- Syarikat tunggal pembuat syiling di Malaysia, The Royal Mint of Malaysia Sdn Bhd, berhasrat untuk memasuki pasaran rantau Afrika dan Teluk Parsi.

"Kami telah menemui bank pusat Libya dan mereka dilihat amat berminat. Bahrain juga telah menunjukkan minat," Pengarah Urusan Datuk Megat Mohamed Abdul Wahab memberitahu Bernama dalam satu temuramah.

Beliau menyertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan seminggu ke Maghribi, Libya dan Bahrain minggu lepas.

Megat Mohamed juga berkata Royal Mint telah memulakan rundingan serius dengan Thailand dan Vietnam untuk membuat syiling untuk kedua-dua negara itu.

Kecuali Singapura dan Brunei, Royal Mint telah mendekati negara-negara Asean lain untuk mengeksport barangan keluarannya.

Syarikat itu merupakan satu-satunya pembuat syiling swasta di Asia.

Megat Mohamed berkata Royal Mint mahu menguasai sebahagian daripada pasaran syiling kosong di rantau ini yang dianggarkan sebanyak setengah bilion keping bernilai antara RM120 juta dan RM180 juta setiap tahun.

Bagi menyiapkan diri untuk pasaran baru, katanya, syarikat itu telah melabur dalam kelengkapan baru, teknologi dan kakitangan.

Sebanyak RM100 juta telah dilabur sejak dua tahun lepas untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran kepada empat hingga lima juta keping syiling sehari berbanding 2.5 juta keping sehari sebelumnya, katanya. --
BERNAMA

MAD MKO SD JR